



## *OSH In School* pupuk kesedaran pelajar tentang keselamatan dan kesihatan



Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIFLI

Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO), Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan program kerjasama dengan Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) Kuantan dalam *OSH in School* bagi berkongsi ilmu berkaitan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKK) pada 27 Ogos 2016 yang lalu.

Seiring dengan slogan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam "Memasyarakatkan Teknologi", program yang berbentuk khidmat komuniti terhadap sekolah ini berjaya mendidik generasi muda tentang keselamatan dalam persekitaran sekolah.

Bagi Pengarah OSHMO, Muhammad Hairynizam Muhd Taib berkata, program sebegini adalah salah satu inisiatif UMP melalui pejabat ini dengan mengambil tanggungjawab untuk sama-sama membantu pihak pengurusan SEMSAS khususnya untuk meningkatkan tahap kesedaran KKK.

"Program OSH ini dapat berkongsi pengetahuan dan teknologi yang boleh diguna pakai oleh pihak sekolah bagi memastikan persekitaran sekolah adalah selamat dan sihat," katanya.

Tambah beliau, selain pelajar program turut membabitkan

kakitangan sekolah yang lain dalam membantu pihak sekolah melaksanakan perancangan pengurusan risiko KKP bagi menyediakan persekitaran sekolah yang bebas kemalangan kepada warganya.

Sementara itu, Ketua Program, Ahmad Harris Abd Hamid berkata, pengajuran *OSH in School* ini dapat memupuk budaya keselamatan sebagaimana digariskan di dalam Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia 2016-2020.

Pelbagai aktiviti menarik dijalankan seperti *Hazard Hunt*, *Safety Games* dan demonstrasi mencegah kebakaran membabitkan pelajar.

Pelajar SEMSAS, Nurul Syafiqah Zulkifli, 13 pendedahan yang diberikan sepanjang program *OSH in School* amat menarik dan membantu untuk lebih memahami langkah-langkah keselamatan yang patut diambil.

Manakala bagi Syed Ahmad Nashril Izzat Syed Adnan, kehadiran UMP ini banyak memberi pengetahuan yang baru malahan rakan-rakannya juga seronok dengan permainan lebih kreatif dan menarik.

Program OSH ini mendapat kerjasama dengan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) termasuk Pengamal Keselamatan, Kesihatan dan Persekutaran (HSE Practitioner) dan alumni dalam mempromosikan program OSH kepada pihak luar.